



17 JAN, 2024

Jualan manfaat 11.6 juta isi rumah

SelangorKini, Malaysia

Page 1 of 2

Produk murah 30 peratus

Jualan manfaat 11.6 juta isi rumah

SHAH ALAM - Program Agro Madani membawa penjimatan harga barangan RM27.8 juta kepada 11.6 juta isi rumah di seluruh negara, kata timbalan menteri pertanian dan keterjaminan makanan.

Datuk Arthur Joseph Kurup menjelaskan 5,608 jualan program anjuran kementerian berkenaan menarik 2.9 juta pengunjung di sepanjang penganjuran tahun lalu, lapor Bernama.

Menjelaskan nilai jualan program yang disertai 74,800 usahawan adalah

RM93.7 juta, beliau berkata kementerian mahu memperluas jualan itu kepada 5,000 sesi menjelang Oktober 2024.

"Program ini secara tidak langsung meningkatkan pendapatan pengeluar yang menjual barangan atau hasil pengeluaran mereka terus kepada rakyat tanpa melalui orang tengah," katanya ketika merasmikan Jualan Agro Madani Mega di ibu negara pada 6 Januari.

Program berkenaan menyediakan pelbagai produk terpilih yang memberi

penjimatan 10 hingga 30 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran.

Jualan tersebut antara usaha bertenaran kerajaan persekutuan untuk meringankan beban rakyat khususnya di lokasi padat penduduk selain meningkatkan pendapatan usahawan tani.

Penganjuran inisiatif itu digerakkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, Lembaga Pertubuhan Peladang dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia.



17 JAN, 2024

Jualan manfaat 11.6 juta isi rumah

SelangorKini, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Produk murah 30 peratus

SHAH ALAM - Program Agro Madani membawa penjimatan harga barangan RM27.8 juta kepada 11.6 juta isi rumah di seluruh negara, kata timbalan menteri pertanian dan keterjaminan makanan. Datuk Arthur Joseph Kurup menjelaskan 5,608 jualan program anjuran kementerian berkenaan menarik 2.9 juta pengunjung di sepanjang penganjuran tahun lalu, lapor Bernama. Menjelaskan nilai jualan program yang disertai 74,800 usahawan adalah

RM93.